

Media : Utusan

Date : 6 April 2024



AJINOMOTO agih bubur lambuk

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) meneruskan komitmen untuk mempromosikan kehidupan sihat dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat, terutamanya pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Dengan kerjasama Majalah RASA, AMB menerusi AJI-SHIO® telah menyediakan dan mengagihkan 2,000 paket bubur lambuk dan lebih 8,000 kuih

tradisional kepada penduduk di sekitar Shah Alam dan i-City.

Program itu bukan sahaja menyediakan juadah berbuka kepada orang ramai, malah diperluaskan kepada kakitangan hospital dan unit beruniform sebagai tanda penghargaan atas khidmat bakti mereka sepanjang Ramadan.

Selain menyedia dan mengedarkan bubur lambuk, terdapat beberapa aktiviti

menarik seperti demonstrasi masakan oleh Chef Fikree yang menggunakan produk AJI-SHIO®, penjualan produk AJI-SHIO® serta peraduan istimewa.

■ PEGAWAI dan kakitangan Ajinomoto Malaysia menyediakan bubur lambuk untuk diaghikan kepada penduduk sekitar Shah Alam dan i-City.